

Lampiran 6

Surat Aku Janji



SURAT AKU JANJI

Saya _____

No. Kad Pengenalan: _____

Beralamat: _____

dengan sesungguhnya berjanji bahawa saya akan mematuhi peruntukan Peraturan-Peraturan yang terkandung di dalam Terma dan Syarat Perkhidmatan Kakitangan, Lembaga Zakat Selangor (MAIS Zakat), Komunikasi Dalam peraturan dan arahan lain yang dikeluarkan dan dikuatkuasakan oleh Lembaga Pengarah dan Pengurusan Lembaga Zakat Selangor dari semasa kesemasa sepanjang tempoh perkhidmatan saya dengan Lembaga Zakat Selangor.

Maka dengan itu saya berjanji, sebagaimana yang dikehendaki oleh peraturan 1.2 Perlantikan Kakitangan Bukan Eksekutif/Kakitangan Baru bahawa saya:

- i. Akan sentiasa taat kepada Duli Yang Maha Mulia Sultan Selangor dan negeri Selangor;
- ii. Akan sentiasa melaksanakan tugas saya sebagai pegawai zakat dengan cermat, bersungguh-sungguh, cekap, jujur, amanah dan bertanggungjawab;
- iii. Tidak akan membelakangkan tugas organisasi demi kepentingan peribadi saya;
- iv. Tidak akan berkelakuan dengan cara yang mungkin menyebabkan kepentingan peribadi saya bercanggah dengan tugas organisasi saya;
- v. Tidak akan berkelakuan dengan cara yang boleh menimbulkan syak yang munasabah bahawa saya telah membiarkan kepentingan peribadi saya bercanggah dengan tugas rasmi saya sehingga menjejaskan kegunaan saya sebagai pegawai zakat;
- vi. Tidak akan menggunakan kedudukan saya sebagai pegawai zakat bagi faedah diri saya sendiri;
- vii. Tidak akan berkelakuan dengan cara yang boleh memburukkan atau mencemarkan nama Lembaga Zakat Selangor;
- viii. Tidak akan membawa atau cuba membawa sebarang bentuk pengaruh atau tekanan luar untuk menyokong atau memajukan tuntutan saya; dan
- ix. Tidak akan ingkar perintah atau berkelakuan dengan cara yang boleh ditafsirkan sebagai ingkar perintah.

Menandatangani Surat Akuan Janji yang merupakan syarat sebelum diterima berkhidmat dengan LZS. Sumber : Terma Kakitangan LZS.h.71.